

# Promosi gendong anak

International Babywearing Week (IBW) ialah sebuah acara sambutan tahunan yang diadakan di seluruh dunia bagi mempromosikan amalan menggendong anak yang kian dilupakan oleh generasi masa kini. Tahun ini, IBW disambut dari 4 - 10 Oktober 2015 dengan tema Embrace Your World. Ia diadakan untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang pelbagai manfaat yang akan diperoleh daripada amalan menggendong.

Pada 24 Oktober 2015 lalu, Baby Ultra Enterprise telah menganjurkan sambutan IBW Kuala Lumpur di Citta Mall, Ara Damansara, Petaling Jaya bagi mempromosikan amalan menggendong di kalangan

masyarakat bandar. Pelbagai aktiviti telah dijalankan pada hari tersebut termasuklah forum bertajuk Menggendong Anak Dengan Keperluan Khas bersama pakar gendong dari institusi gendong, Trageschule UK, Olga Nguyen; Pakar Perubatan Keluarga HUKM, Dr Ezura Madiana Monoto serta Hawadah Mohamed, penggendong dengan anak istimewa sindrom Down.

Antara lain ada acara demonstrasi penggunaan alatan gendong ergonomik oleh Dr Izam Suziani Ismail (Pengasas Babywearing by Baby Ultra, Konsultan Babywearing Trageschule UK) dan Ar-Rauzah Khalid (Konsultan Babywearing, Trageschule UK), pertunjukan

fesyen dengan memperagakan alatan gendong ergonomik buatan tempatan- Jumpsac, Snuggbaby, NeezaNeedles, GeoSSC, Daiesu, Bebe Sachi serta Baby Ultra.

Pengunjung pada hari itu berpeluang membawa pulang goody bag dan hadiah cabutan bertuah yang ditaja oleh syarikat-syarikat tempatan dan mengunjungi lebih 20 booth jualan.

